



**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**KENYATAAN MEDIA**

**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA  
MINGGU EPIDEMIOLOGI 10 (03 MAC 2024 – 09 MAC 2024)**

Pada Minggu Epidemiologi ke-10 tahun 2024, jumlah kes demam denggi yang dilaporkan adalah sebanyak 3,238 kes berbanding 3,268 kes pada minggu sebelumnya. Terdapat dua (2) kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-10 tahun 2024.

Kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sehingga Minggu Epidemiologi ke-10 adalah sebanyak 35,619 kes berbanding 21,602 kes bagi tempoh sama tahun 2023. Manakala terdapat 21 kematian akibat komplikasi demam denggi telah dilaporkan berbanding 16 kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2023.

Bilangan lokaliti hotspot yang dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-10 adalah sebanyak 178 lokaliti berbanding 184 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya. Dari 178 lokaliti yang dilaporkan, 151 lokaliti di Negeri Selangor, 12 lokaliti di WPKL & Putrajaya, enam (6) lokaliti Negeri Pulau Pinang, tiga (3) lokaliti di Negeri Sabah, dua (2) lokaliti di Negeri Sembilan, dua (2) lokaliti di Negeri Sarawak dan masing-masing (1) lokaliti di Negeri Perak dan Kedah.

Bagi surveilan chikungunya, tiada kes direkodkan pada Minggu Epidemiologi ke-10. Jumlah kumulatif kes chikungunya sehingga kini adalah enam (6) kes. Tiada wabak chikungunya dilaporkan pada ME10/2024. Bagi surveilan zika, sebanyak 453 sampel darah dan satu (1) sampel urin telah dijalankan saringan zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.


Strategi utama dalam kawalan denggi adalah menghapuskan tempat pembiakan nyamuk *Aedes*. Pastikan tiada air bertakung di persekitaran rumah yang boleh menjadi tempat nyamuk *Aedes* membiak dan menyebarkan demam denggi. Bubuh bahan pembunuh jentik-jentik di bekas simpanan air yang sukar dibersihkan seperti kolah air. Setiap individu diminta memberi kerjasama kepada pihak berwajib seperti Kementerian Kesihatan Malaysia dan Pihak Berkuasa Tempatan dengan membenarkan petugas untuk memasuki rumah bagi melakukan aktiviti kawalan denggi serta memastikan premis bebas dari tempat pembiakan nyamuk *Aedes*. **Tiada *Aedes*, tiada denggi, chikungunya dan zika.**

**DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN**

Ketua Pengarah Kesihatan

Kementerian Kesihatan Malaysia


**19 Mac 2024**




Gambarajah 1: Perbandingan kes dan kematian demam denggi Minggu Epidemiologi ke-10 & ke-09 tahun 2024



Gambarajah 2: Perbandingan kes dan kematian demam denggi sehingga Minggu Epidemiologi ke-10 tahun 2024 dan tempoh sama tahun 2023



**Gambarajah 3: Perbandingan tren kes mingguan demam denggi Malaysia tahun 2024 (sehingga Minggu Epidemiologi ke-10), 2023 dan median 2019-2023**



**Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot denggi Minggu Epidemiologi ke-10 tahun 2024**